

ANGKASA kumpul maklum balas gabungan

Langkawi: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), yakin semua 2,000 ahli gabungan di seluruh negara akan mengemukakan maklum balas berhubung cadangan pindaan Akta Koperasi 1993 menjelang akhir bulan ini.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, maklum balas itu penting bagi memastikan pindaan akta yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada Jun depan memanfaatkan gerakan koperasi di negara ini.

"Sehingga kini, lebih 500 koperasi sudah mengemukakan maklum balas masing-masing berkaitan pindaan akta itu kepada ANKASA, manakala baki 1,500 lagi dijangka berbuat demikian menjelang akhir bulan ini.

"Ini bermaksud semua koperasi di negara ini memberikan maklum balas tanpa mengambil kira koperasi besar atau kecil," katanya pada sidang media selepas merasmikan Bengkel Inovasi ANKASA bersama Jabatan Beruniform di MyAngkasa Akademi & Resort, kelmarin.

Abdul Fattah berkata, ANKASA juga bersedia menggunakan persidangan tahunan di peringkat negeri yang berlangsung sepanjang bulan ini sebagai platform bagi anggota koperasi membentangkan cadangan mereka mengenai pindaan itu.

"Sehingga kini, sembilan negeri sudah mengadakan persidangan dan kami menjangkakan selebihnya akan mengadakan persidangan mereka dalam bulan April ini," katanya.

Katanya, ANKASA mengemukakan 13 cadangan balas kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk mengukuhkan pindaan yang dicadangkan.